

Dalam masa enam bulan menjalani praktikal beberapa proses pembelajaran telah dilalui antaranya pengenalan kepada perantis, latihan dalam operasi perniagaan, latihan dalam kemahiran dalaman, latihan memperbaiki dan mengembangkan sifat keusahawanan serta latihan dalam pengurusan kepimpinan yang merangkumi proses merancang, membuat strategi, kajian dalam pembangunan produk dan belanjawan.

"Alhamdulillah saya bersyukur kerana kini saya boleh menarik nafas lega kerana beroleh kejayaan hasil daripada bimbingan daripada pihak kampus ini dalam menjalankan perniagaan saya walaupun satu ketika terpaksa mengambil untung hanya 20 sen bagi satu perkhidmatan," ujar bekas pelajar Sekolah Menengah Agama Kedah ini.

Anak bongsu daripada empat beradik ini berharap lebih ramai pelajar dan graduan dari UUM ini akan mengambil peluang daripada Universiti Pengurusan ini untuk berjaya.

"Cabaran dalam perniagaan telekomunikasi ini amat tinggi kerana ramai yang menceburi bidang ini memandangkan permintaan terhadap penggunaan telekomunikasi dalam urusan harian amat tinggi permintaannya," kata Nadratun yang ditemui dimajlis penyerahan Celcom Blackberry kepada Pengurusan Tertinggi Universiti semalam.

Dalam pada itu Naib Canselor UUM Profesor Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang ditemui melahirkan rasa bangga dengan pencapaian graduan kampus ini selari dengan Universiti Pengurusan.

Habis.